



**BERJAYA SCHOOL OF HUMANITIES & SOCIAL SCIENCES**  
**Faculty of Liberal Arts**

**FINAL EXAMINATION**

Student ID (in Figures) :

Student ID (in Words) : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

Course Code & Name : **MPU3142 Bahasa Melayu Komunikasi 2**  
 Trimester & Year : January – April 2018  
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain  
 Duration : 2 Hours

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. This question paper consists of 2 parts:
 

**PART A (30 marks)** : THIRTY (30) multiple-choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.

**PART B (70 marks)** : SOALAN 1 – Pemahaman Teks  
                                   SOALAN 2 – Tatabahasa  
                                   SOALAN 3 – Karangan (Choose ONE (1) only)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

**BAHAGIAN B****: SOALAN SUBJEKTIF (70 MARKAH)****ARAHAN**

: Jawab semua soalan di bawah ini.

---

**SOALAN 1 – PEMAHAMAN TEKS (20 MARKAH)****Petikan (i)**

*Baca perbualan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- Xie Nin : Kita sudah lama berkawan. Saya ingin tahu tentang keluarga kamu.  
Jarjit : Ya, sudah dua tahun sejak belajar di kolej ini. Apa yang kamu mahu tahu?  
Xien Nin : Tolong ceritakan tentang keluarga kamu.  
Jarjit : Keluarga saya adalah keluarga besar. Ada tujuh orang adik-beradik. Lima lelaki dan dua perempuan.  
Xie Nin : Wah, sangat besar! Apakah pekerjaan ibu dan bapa kamu?  
Jarjit : Bapa saya, Encik Johan mempunyai perniagaan air botol. Ibu saya seorang guru.  
Xie Nin : Berapa orang pekerja bapa kamu?  
Jarjit : Lebih kurang dua puluh orang pekerja.  
Xie Nin : Di mana ibu kamu mengajar?  
Jarjit : Dia mengajar di Sekolah Menengah Sungai Buloh.  
Xie Nin : Oh, itu sekolah adik lelaki saya. Dia pasti kenal ibu kamu.  
Jarjit : Benarkah? Ibu saya guru bahasa Inggeris. Mungkin dia kenal.

1. Berapa lamakah Xie Nin dan Jarjit berkawan? **(2 markah)**
2. Berapakah bilangan adik-beradik Jarjit? **(2 markah)**
3. Nyatakan pekerjaan bapa Jarjit. **(2 markah)**
4. Berapakah bilangan pekerja bapa Jarjit? **(2 markah)**
5. Apakah subjek yang diajar oleh ibu Jarjit? **(2 markah)**

**Petikan (ii)**

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Yanti sedang mencari buku tulis untuk kelas bahasa Melayu. Dia pergi ke sebuah kedai buku Xerox di tingkat lima, Berjaya Times Square. Dia telah memilih sebuah buku latihan bersaiz besar. Kulit buku itu berwarna kuning. Harganya ialah lima ringgit sembilan puluh sen. Kemudian, dia telah membeli dua batang pen biru. Harga sebatang pen biru ialah satu ringgit tiga puluh sen. Yanti memberi wang sebanyak dua puluh ringgit kepada jurujual. Nama jurujual itu ialah Susanti. Susanti sangat cantik dan suka tersenyum. Dia melayan Yanti dengan baik. Yanti suka ke kedai itu kerana sikap pekerjanya yang baik.

1. Apakah dua barang yang dibeli oleh Yanti? **(2 markah)**
2. Berapakah harga dua batang pen biru? **(2 markah)**
3. Siapakah nama jurujual yang melayan Yanti? **(2 markah)**
4. Berapakah baki wang Yanti? **(2 markah)**
5. Nyatakan **DUA (2)** sikap jurujual di kedai buku Xerox. **(2 markah)**

**SOALAN 2 – TATABAHASA (30 MARKAH)**

- a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini berdasarkan situasi berikut:

**Situasi: Di kedai buku**

- I. sangat
- II. paling
- III. lebih
- IV. agak
- V. makin

**(10 markah)**

**(b) Terjemahkan perbualan berikut ke dalam bahasa Melayu.**

Anas wants to speak to Mr. Halim but he spoke to a wrong person. The person who answered the call was Mr. Junaidi. Mr. Junaidi is a lecturer at France Language Centre. While Mr Halim is a lecturer at Malay Language Department. Anas asked for forgiveness because he bothered Mr Junaidi. Mr. Junaidi is a good person. He is also an understanding lecturer. He asked Anas to call the operator to get the correct number. Anas felt happy . He thanked Mr. Junaidi once again.

**(20 markah)**

**SOALAN 3 : KARANGAN (20 MARKAH)**

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 100 patah perkataan**.

1. Tuliskan satu karangan pendek tentang makanan Malaysia kegemaran kamu.

**ATAU**

2. Tuliskan tentang kegiatan kamu pada masa lapang.

**SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT**